

Pengurusan PWTC edar makanan kepada gelandangan

AMAL. Sempena bulan Ramadan, pihak pengurusan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mengedarkan sebanyak 150 bungkus juadah berbuka puasa kepada penghuni di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.

Pengurus Besar Operasi PWTC, Zalidi Rahim berkata, pengedaran makanan diagihkan sebanyak dua kali iaitu pada 10 Jun lalu dan 24 Jun ini.

"Program amal ini bertujuan membantu nasib golongan gelandangan. Semoga bantuan ini dapat menceriakan suasana Ramadan mereka," katanya.



ZALIDI (empat dari kanan) bersama kakitangannya mengagihkan bungkus makanan kepada penghuni Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur baru-baru ini.